

BAB I

PENGENALAN

A. LATAR BELAKANG

Pendidikan adalah penyataan ilmu dalam kehidupan, keserasian hubungan antara manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan komponen-komponen dalam dirinya, ke arah wujudnya kesinambungan akal, rohani dan jasmani, dan kemuncaknya ialah memperolehi pembangunan insan yang salih (al-Syaibani, 1991; al-Abrasy, 1969).

Sumber utama ilmu adalah Al-Quran dan al-hadis. Ilmu wahyu dikenali sebagai *ilmu naqli* (al-Ghazali, tta) yang mencakupi bidang ilmu kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan dan ilmu sains tabii (al-Ghazali, ttd; al-Kailani, 1997). Bidang-bidang ilmu tersebut amat penting untuk mencari kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Di samping itu ilmu pengetahuan yang dikategorikan sebagai *ilmu 'aqli* (penggunaan intelek) iaitu hasil karya manusia secara kaedah saintifik dengan menggunakan akal dan pemikiran perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap kepada *ilmu naqli* (al-Ghazali, ttc; al-Alwani, 1995; al-Faruqi, 1982).

Menurut Naquib (1978) ilmu pengetahuan mempunyai dua ciri asas iaitu kesepaduan dan berstruktur. Ilmu naqli dan ilmu aqli yang telah disepadukan dan dikembangkan sentiasa dipandang dalam bentuk *struktur* yang bermatlamat membawa manusia kepada kesedaran tentang kewujudan dan kekuasaan Pencipta Alam dan segala fenomena di dalamnya. Pendekatan bersepadu melihat penghayatan ilmu secara menyeluruh, termasuk aspek material atau kebendaan

dan kerohanian ataupun akhlak (Qaradhawi, 1998; Mohd. Alwi Yussof, 1996; al-Ulwan, 1981).

Dalam usaha melahirkan generasi yang seimbang dan harmonis, bidang kognitif (intelektual), afektif (emosi) dan psikomotor (jasmani) perlu diberi penekanan yang seimbang di dalam pendidikan (Hassan Langgulung, 1998; al-Jumbalati, 1994; al-Nahlawi, 1983).

Dalam bidang kognitif, aspek yang perlu diberi penekanan utama ialah aspek pengembangan minda pelajar iaitu kemahiran berfikir secara logik, kritis, kreatif dan bersistematik (al-Qaradhawi, 1998; al-Kailani, 1997; al-Nahlawi, 1983; al-Syalaby, 1981). Ini disebabkan pelajar yang menguasai kemahiran berfikir berupaya untuk melakukan perkara-perkara berikut:

- a. Menerokai ilmu iaitu ilmu dunia dan akhirat.
- b. Membuat adaptasi, modifikasi dan inovasi dalam menghadapi atau menangani perubahan dan cabaran.

Al-Ghazali (*Ihya*, tta: juz 1, 145-50) menerangkan bahawa dalam konteks penghayatan ilmu syariah dan ilmu akal, individu yang dididik dengan strategi *taqlid* semata-mata akan menjadi individu yang bebal. Malah beliau menegaskan bahawa manusia hanya dapat menghampiri Allah melalui kekuatan ilmu yang dibentuk secara bermakna (menurut secara logik ijtihad-ijtihad para mujtahid yang hidup pada zaman ini). Dengan penerokaan tersebut akan mendalamkan kesedaran dan kekuasaan manusia terhadap kebesaran Allah S.W.T.

Untuk menghayati ilmu sedahu pelajar tidak hanya menggunakan akal fikiran. Ilmu tersebut hendaklah sampai kepada domain afektif iaitu penghayatan nilai rohani (al-Nahlawi, 1983; Krathwohl, 1974; al-Ghazali, ttd). Akal berperanan untuk membina kemahiran berfikir manakala nilai pula berperanan untuk menimbulkan keinsafan dan kesedaran, menghidupkan semangat dan pengorbanan dan menikmati ketenangan jiwa serta menerima hidayah (ayat-ayat suci Al-Quran adalah petunjuk dari Allah S.W.T. merujuk Al-Quran 2:1) daripada Pencipta (Ghanim, 1994; Hassan Langgulung, 1998). Pembelajaran afektif pada umumnya melibatkan proses kognitif seseorang pelajar. Kelemahan pelajar dalam salah satu domain ini turut menjejaskan dan mempengaruhi kebolehan dan pencapaian pelajar berkenaan sama ada dalam bidang akademik mahupun dalam bidang afektif seperti penghayatan nilai rohani (Saedah Siraj, 1992; Nik Azis Nik Pa, 1990; Tajul Ariffin Noordin, 1990).

Ilmu yang dibina melalui kesepaduan pengalaman fizikal, kognitif, meta kognitif dan objektif dapat mengeluarkan diri pelajar daripada kegelapan dan kejahilan kepada cahaya dan kebenaran (al-Qaradhawi, 1998; Abu Sulayman, 1991; Tajul Ariffin Noordin, 1990). Aspek nilai merangkumi iman dan takwa kepada Maha Pencipta serta gabungan sejarah dan tamadun yang mencetuskan bentuk serta kehidupan yang ada. Dalam perspektif Islam, semua jenis ilmu iaitu ilmu agama, ilmu kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan dan ilmu sains tabii penting untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Ilmu agama yang mengandungi ajaran aqidah, syariah dan akhlak dapat memberikan panduan yang bernilai abadi dan sejagat untuk kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan ketatanegaraan (Al-Quran 5:41; 22:23). Oleh itu, penyerapan nilai yang terdapat dalam agama (Al-Quran dan hadis) penting untuk menghasilkan manusia yang salih dan berakhlak. Pemisahan nilai agama daripada ilmu akal akan menyebabkan wujudnya manusia yang tidak berakhlak seperti yang berlaku dalam sistem pendidikan barat (Tajul Ariffin Noordin, 1990).

Sehubungan dengannya itu, pada tahun 1989, Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah mengalami reformasi dalam sistem pendidikan negara yang melibatkan perubahan besar dalam sukatan pelajaran dan penambahan seratus peratus peruntukan waktu mengajar daripada tiga kali seminggu (dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah atau KLSM) kepada enam kali seminggu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992).

Kurikulum Pendidikan Islam (lama) memberi penekanan kepada maklumat dan pengetahuan semata-mata, manakala KBSM memberi penekanan dan tumpuan yang sepenuhnya kepada aspek pengukuhan akidah Islam, pemahaman Sifat dan *Cara Hidup Islam, Sirah dan Ibadat* (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, 1992).

Menyedari hakikat bahawa Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup harian seorang muslim maka Pendidikan Islam menekankan aspek amalan dan penghayatan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991). Bagi memastikan keberkesanan Pendidikan Islam di peringkat menengah, orientasi pengajaran dan pembelajarannya dikaitkan dengan amalan dalam kehidupan harian. Strategi pengajaran pula memberi penekanan kepada penggabungjalinan dan kesepaduan sesuai dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam ke arah melahirkan pelajar yang bertanggungjawab sebagai hamba Allah yang bertakwa (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992). Guru diharapkan dapat menggunakan pelbagai kaedah, teknik, alat dan aktiviti agar tercapai hasrat tersebut (***Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan IV***, 1990). Huraian mengenai kaedah di atas memerlukan kepada kebijaksanaan guru untuk memilih dan menggunakan kaedah yang sesuai. Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam

perlu bijak dalam memilih dan menentukan pengajaran yang berkesan kerana guru bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah pembelajaran melalui pemilihan kaedah yang sesuai (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 1997). Sebagai pendidik, seharusnya guru-guru Pendidikan Islam berusaha mencari dan mendapatkan kaedah yang sesuai dan menggunakannya di dalam pengajaran mereka (al-Syaibani, 1991; Ahmad Mohamad Said, 1998).

Perubahan corak pendidikan ke arah melahirkan para pelajar yang lebih berfikiran kritis dan kreatif adalah perlu bagi mengeluarkan para pelajar yang dapat menyelesaikan masalah hidup dengan tindakan yang lebih positif (Abu Sulayman, 1991; Hussein, 1980).

Pendidikan Islam KBSM memerlukan guru-guru yang memiliki kemahiran dan kebolehan yang tinggi dalam penyampaian pengajaran. Guru hendaklah sentiasa membantu pertumbuhan fikiran, emosi dan jasmani pelajar berlandaskan ajaran Islam (Mohd Alwi Yusuf, 1996; Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1993; Anwar Ibrahim, 1988). Dengan erti kata yang lain, guru perlu memberi ilmu, pengetahuan, kemahiran, membentuk sikap dan pemikiran, membentuk peribadi dan akhlak setiap pelajar yang dipertanggungjawabkan. Dengan itu adalah diharapkan pelajar terdidik dengan ajaran Islam dan akhirnya dapat membangunkan masyarakat berteraskan ajaran dan akhlak Islam (al-Kailani, 1997; Bahagian Pendidikan Islam, 1993; al-Syaibani, 1991; al-Ulwan, 1981; Samak, 1980; al-Ghurabi, 1958).

B. PENYATAAN MASALAH

Pendidikan Islam di sekolah memerlukan perubahan paradigma baru dari segi pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan tuntutan perubahan bagi menghadapi cabaran dan kemajuan abad ke-21 (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 1997; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, 1992).

Pendidikan Islam perlu mengembangkan tiga domain pembelajaran utama, iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (amalan) dalam mencorakkan perkembangan personal dan interpersonal pelajar. Ketiga-tiga domain tersebut saling berkaitan dalam mempengaruhi pembangunan sahsiah, intelektual dan tingkah laku individu (al-Syaibani, 1991; Syalaby, 1981). Domain kognitif adalah berkaitan dengan aspek pembangunan intelektual pelajar iaitu bagaimana potensi intelektual pelajar dapat dibangunkan melalui pendidikan Islam. Proses kemahiran berfikir dan mengembangkan tahap kecekapan berfikir dalam pendidikan Islam perlu dirancang oleh guru dengan berkesan sama ada dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah (Bahagian Pendidikan Islam, 1994; Kamal Hassan, 1988; Samak, 1980). Perhatian perlu diberi untuk mengembangkan pemikiran tahap tinggi yang melibatkan antaranya kemahiran membuat keputusan, membentuk inferens dan membentuk analogi (Zaharah Hussin, 1995; Bahagian Pendidikan Guru, 1994; al-Ghazali, tth).

Untuk mencapai matlamat berkenaan, guru pendidikan Islam haruslah cekap serta mempunyai kebolehan kemahiran mengajar yang baik dan berkesan. Pelbagai kaedah dan teknik yang menarik perlu digunakan untuk menjadikan pengajaran pendidikan Islam lebih menarik dan berkesan ke arah membina

penghayatan Islam. Guru Pendidikan Islam tidak seharusnya terikat kepada teknik dan kaedah yang usang, kurang inovatif tidak kreatif dan hanya berasaskan pengajaran fakta tanpa kaitan dengan kehidupan harian pelajar (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989; Hussein, 1980).

Dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah, perkara tersebut telah ditimbulkan semenjak tahun 1979 lagi apabila Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran melaporkan bahawa mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah belum mencapai satu peringkat yang diharapkan. Pendidikan Islam kurang menitikberatkan aspek-aspek amali dan penghayatan sebagaimana yang dikehendaki (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1982: 177).

Che' Pee Saad (1983) telah membuat tinjauan di dua buah sekolah rendah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya bagi murid-murid Tahun 5 lelaki dan perempuan pada tahun 1979 tentang minat mereka terhadap mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Hasil kajian menunjukkan di antara mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam yang tidak diminati murid ialah mata pelajaran Tauhid. Pada tahun 1981, Che' Pee Saad telah membuat tinjauan terhadap dua puluh orang guru pendidikan Islam yang mengajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan:

- A. Lapan belas orang guru menyatakan mereka menghadapi masalah menyampaikan pelajaran Tauhid kepada murid-murid berpunca daripada:
 - a. Isi pelajaran Tauhid banyak menggunakan perbincangan secara falsafah.

- b. Tiada buku-buku khas kaedah mengajar Tauhid yang boleh membantu pengajaran.
 - c. Guru-guru tidak dilatih secukupnya cara-cara mengajar ilmu Tauhid.
 - d. Guru-guru tidak dibekalkan dengan buku panduan mengajar ilmu Tauhid.
- B. Sembilan belas guru pendidikan Islam yang mengajar mata pelajaran *Pengetahuan Agama Islam* di sekolah menengah menggunakan Kaedah Deduksi-Induksi, Kaedah Syarahan dan tanpa menggunakan kaedah mengajar tertentu. Seorang dari dua puluh orang guru mengajar mengikut Kaedah Induksi.

Kajian, dapatan dan perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1982) mengenai Pendidikan Islam pula dapat disimpulkan seperti mana berikut:

- a. Amalan-amalan dan penghayatan Islam tidak diberikan penekanan di dalam pengajaran dan pembelajaran Agama Islam.
- b. Pengajaran guru lebih banyak tertumpu kepada menyampaikan pengetahuan tentang Agama Islam tetapi kurang menunjuk cara secara praktikal / amali.
- c. Pengajaran guru masih berada di tahap yang lemah. Guru menggunakan kaedah yang mudah tanpa penggunaan bahan / alat bantuan mengajar yang diperlukan.
- d. Penyeliaan ke atas mata pelajaran Agama Islam belum mencapai matlamat yang dikehendaki.

Kelemahan-kelemahan tersebut berlaku disebabkan kelemahan penyataan yang menjadi dasar kepada mata pelajaran itu sendiri iaitu Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 yang membentuk Kurikulum Pendidikan Islam berasaskan kepada keperluan dan matlamat "untuk memberi pengetahuan mengenai Agama Islam kepada pelajar-pelajar" (Muhamad Endut, 1992: 5; Abd. Rauf Dalip, 1987; Wan Bakar Dagang, 1988: 2). Oleh yang demikian, kandungan kurikulum / sukatan pelajarannya banyak menumpukan kepada perkara-perkara yang berupa pengetahuan asas mengenai Agama Islam seperti aspek Tauhid, Ibadat (Fiqah), Sejarah Islam dan pengajaran-pengajaran daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadis. Penekanan pengajaran dan pembelajarannya lebih mengarah kepada penyampaian maklumat dan ilmu mengenai Agama Islam daripada pencapaian dalam aspek amalan dan penghayatan Islam di kalangan pelajar-pelajar. Oleh kerana kehendak atau matlamat kurikulum pendidikan Islam melalui mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam yang sedemikian maka guru-guru juga telah menumpukan peranan mereka untuk "mengajar dan memberikan ilmu pengetahuan mengenai Islam" seperti yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran yang ditentukan. Demikian juga pelajar-pelajar, mereka lebih banyak menghafal fakta daripada memahami fakta atau menghubungkan fakta tersebut dengan amalan dan penghayatan Islam yang sebenarnya. Kesimpulannya, pelajar mempelajari mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam hanya sekadar "untuk tahu tentang Agama Islam dan untuk lulus dalam peperiksaan" sebagaimana mata pelajaran lain sama ada di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Abd. Rauf Dalip, 1997: 12; Wan Bakar Dagang: 2-3, 1993: 7).

Menyedari kelemahan-kelemahan tersebut, langkah-langkah segera dan jangka panjang telah diambil. Antaranya, memberi latihan perguruan kepada guru-guru yang tidak terlatih, mengadakan pegawai-pegawai yang mencukupi di Unit Pendidikan Islam di Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, mengadakan Nazir mata pelajaran Agama Islam di Jemaah Nazir Sekolah

Persekutuan dan akhirnya melaksanakan Kurikulum Baru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah pada tahun 1982 dan Kurikulum Baru Pendidikan Islam di Sekolah menengah pada tahun 1989 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991).

Perubahan kurikulum dengan hasrat yang demikian besar membawa implikasi kepada tugas dan peranan guru. Adakalanya perubahan itu memerlukan perubahan yang langsung daripada guru-guru iaitu sama ada dari sudut tingkahlaku dalam perhubungannya dengan murid-murid atau pun perubahan stail mengajar atau penyampaiannya di bilik darjah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, 1992). Selepas pelaksanaan KBSM beberapa kelemahan telah dikenalpasti antaranya, kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, 1997; Bahagian Pendidikan Islam, 1994).

Kajian oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1992) mengenai pengajaran guru Pendidikan Islam mendapati:

- a. Guru memulakan pengajaran dan pembelajaran tanpa terlebih dahulu membuka minda pelajar mengenai tajuk yang akan diajar.
- b. Guru kurang mahir dengan teknik mengajar dan menggunakan kaedah yang tidak dapat menarik perhatian pelajar.
- c. Kebanyakan soalan yang dikemukakan kepada pelajar tidak bercapah, tidak mengarah pelajar berfikir di mana pelajar yang lemah sentiasa tertinggal dan terbiar.

- d. Isi pengajaran disampaikan berkisar kepada pengetahuan yang terdapat dalam buku teks iaitu guru kurang menggunakan bahan-bahan semasa di dalam pengajaran mereka.

Dapatan kajian Bahagian Pendidikan Islam (1994) juga mendapati guru Pendidikan Islam masih menyampaikan pengajaran dengan memberi syarahan, ceramah atau kuliah yang kurang dapat merangsang murid untuk berfikir, merenung dan memerhati serta mempertingkatkan potensi berfikir murid mengemukakan *sebab munasabah (reason)* terutamanya dalam aspek akidah.

Berhubung dengan pendidikan Akidah corak pengajaran yang bersifat dedaktif, menghafal dan mengingatkan fakta-fakta dengan penekanan yang kurang berkesan kepada aspek afektif iaitu penghayatan nilai rohani, perkembangan sikap, emosi dan kesedaran menyebabkan pendidikan akidah kurang diminati oleh pelajar-pelajar yang kurang jelas kepentingan dan perkaitan akidah dalam penghidupan mereka (Bahagian Pendidikan Islam, 1994; Zawawi Ahmad, 1996). Pendekatan mengajar dan belajar aspek akidah di sekolah juga kurang mencabar perkembangan minda intelektual pelajar-pelajar dan kurang dinamik bagi mengembangkan potensi kreatif mereka. Pengajaran akidah yang terlalu menekankan kepada hafalan tentang apa yang tertulis dalam buku teks menjadikan ia ketandusan dari unsur reflektif, kreatif dan inovasi (Bahagian Pendidikan Islam, 1994; Che' Pee Saad, 1983).

Penekanan yang keterlaluan kepada motif peperiksaan menyebabkan matlamat-matlamat penting pendidikan akidah tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh guru-guru pendidikan Islam. Kejayaan pendidikan Islam yang hanya diukur berasaskan kepada kejayaan pelajar dalam peperiksaan tidak memberi gambaran sebenarnya keberkesanan pendidikan Islam yang diharap-harapkan (Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, 1997; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, 1992).

Paradigma pengajaran akidah di sekolah-sekolah perlu diubah supaya ia tidak dibelenggu oleh pemikiran guru yang statik yang dibataskan dengan tujuan untuk menguasai fakta dan untuk lulus peperiksaan semata-mata. Pendidikan akidah di sekolah-sekolah perlu memberi kesan yang positif dan menyeluruh.

Kelemahan pengajaran berkenaan masih berterusan hingga kini seperti yang dijelaskan oleh Mahathir Mohamad (1994) bahawa Pendidikan Islam jika ditinjau dari aspek pengajaran kepada pelajar-pelajar masih belum berubah sepenuhnya. Kaedah masih mengikut cara lama, berpusat kepada pengetahuan, kurang aktiviti amali, tidak memberi sebab kepada persoalan mengapa serta kurang memberi contoh-contoh sesuai dengan persekitaran yang ada dan perubahan yang berlaku. Pendidikan akidah serta penyemaian iman yang sebenar perlu disampaikan dengan cara yang lebih baik dan berkesan supaya ia benar-benar menggambarkan peribadi Muslim Sejati (Hassan Langgulung, 1998; al-Ulwan, 1981; Hussein, 1980; Samak, 1980).

Semua kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat kelemahan di dalam pengajaran guru-guru Pendidikan Islam yang harus diperbaiki dengan kaedah-kaedah atau teknik yang lebih mudah difahami tetapi sehingga kini belum ada kajian khusus terhadap satu-satu aspek dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Uum Syariah untuk mengatasi kelemahan tersebut. Oleh itu, kajian untuk menentukan kaedah yang berkesan dalam pengajaran Pendidikan Islam aspek akidah perlu dijalankan.

Sekiranya kelemahan dalam kaedah pengajaran akidah dibiarkan berterusan, insan yang mempunyai daya tahan tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara tidak akan dapat dihasilkan (Wan Mohd. Zahid

Mohd. Nordin, 1993; Harun Din, et. al 1986). Keruntuhan akhlak di kalangan generasi hari ini sebahagian besarnya disebabkan mereka tidak mempunyai *daya kawalan dalaman* iaitu tidak mempunyai iman yang kukuh (Bahagian Pendidikan Islam, 1994).

Tindakan perlu diambil ke arah menjadikan akidah Islam dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sebagai budaya hidup di kalangan pelajar (Zawawi Ahmad, 1996; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991; al-Syaibani, 1991; al-Ulwan, 1981). Akidah bukan suatu yang statis ataupun jumud tanpa berfikir dan taakul bahkan ia adalah unsur dalaman yang aktif berteraskan kreativiti ketuhanan iaitu menggunakan deria dan pemikiran melihat dan meneliti alam sebagai suatu perhubungan, membanding, mentafsir, mengeluarkan idea-idea, merumus dan menilai, merealisasikan idea-idea yang didapati dan mencipta dalam ruang lingkup yang dibenarkan dalam Al-Quran (Hassan Langgulong, 1997; al-Khailani, 1997; Zurkani Jahya, 1996; al-Jamali, 1972). Unsur akidah seharusnya diurus secara bijaksana agar dengan keutuhan keimanan dalam diri murid dapat membendung diri mereka daripada gejala mungkar (Al-Quran 30:30). Keimanan yang padu dapat mencetuskan motivasi sendiri menunjuk ke arah satu perubahan diri individu yang kenal dan faham erti kehidupan sejagat (*dunia*) dan abadi (*akhirat*) (al-Qaradawi, 1998; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991; al-Abrasyi, 1969).

Asas utama akidah terbentuk dari enam rukun (*iman*) iaitu melalui proses membenarkan dengan hati dan berikrar dengan lisan serta beramal dengan ajaran-ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. (Sahih Muslim, tt). Setiap muslim wajib memelihara imannya supaya tidak rosak. Amal ibadat dan kebajikan yang dilakukan di dunia ini tidak akan diterima Allah sekiranya seorang

itu murtad, kufur, syirik, riddah dan nifak sama ada terang-terangan atau tersembunyi (al-Ghazali, ttc).

Penggunaan pemikiran kritis dalam pendidikan akidah Islam untuk mencari kebenaran adalah sangat digalakkan. Al-Quran sering mengarah dan mendorong akal fikiran manusia supaya berfikir dan menganalisis alam kenyataan ini agar akidah Islam tertanam kukuh (lihat Al-Quran 3:190-91). Fenomena alam yang disingkatkan Al-Quran adalah alam diri manusia dan alam semesta iaitu kejadian langit, bumi, alam tumbuh-tumbuhan, alam binatang dan sebagainya. Al-Quran berulang kali menyebulkan fenomena manusia dan alam ini dengan gaya bahasa yang berlainan dan cara yang berbagai-bagai agar ianya memberi kesan kepada hati dan jiwa manusia (lihat Al-Quran 39:21; 95:04).

Perubahan corak pendidikan ke arah melahirkan para pelajar yang lebih berfikiran kritis dan kreatif adalah perlu bagi mengeluarkan para pelajar yang dapat menyelesaikan masalah hidup dengan tindakan yang lebih positif (Abu Sulayman, 1991; Hussein, 1980).

Suatu cara yang berkesan yang dapat dilakukan oleh guru untuk memperbaiki keadaan dan kelemahan tersebut adalah dengan menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah iaitu satu kaedah pengajaran yang dapat membantu pelajar menguasai kemahiran membanding beza, membuat keputusan, membentuk inferens, membentuk analogi (al-Najjar, 1997; al-Kailani, 1997; Raffini, 1996; al-Alwani, 1995; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991; Davis & Rimm, 1985). Teknik dan pendekatan yang dapat mengembangkan kuasa berfikir dan pemikiran kritis perlu ditanamkan, Teknik Inkuiri, perbincangan sumbang saran dan sinektik adalah antara teknik-teknik yang kurang digunakan

oleh guru-guru pendidikan Islam yang menyebabkan kurangnya pengembangan pemikiran kritis dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 1997; Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1992). Pelajar perlu didedahkan kepada kemahiran menyelidik, berhujah, menulis, menilai, membentuk inferens, analogi, membuat keputusan bagi mengembangkan potensi dan daya intelektual mereka. Pendidikan akidah perlu membangunkan minda generasi muda dan melahirkan golongan muda yang menghayati ajaran Islam dengan penuh kesedaran dan ketakwaan (Siddiq Fadil, 1992; Abdul Hadi, 1984; Al-Abrasy, tt).

Kebolehan menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian memerlukan pengetahuan yang luas, bukan sahaja tentang fakta, kemahiran, konsep dan teori khususnya tetapi tentang saling hubungan antara pelajar. Tanpa ilmu, manusia tidak mampu menyelesaikan masalah hidup mereka. Ilmu tanpa kebolehan menyelesaikan masalah pula tidak banyak membawa kebaikan kepada manusia. Asas bagi perkembangan kebolehan penyelesaian masalah dan penghayatan budaya ilmu ialah pemikiran yang terbuka, ingin tahu, suka meneroka, sanggup mencuba sesuatu yang baru, kreatif, imaginatif dan ingin mencari kebenaran (Zaharah Hussin, 1995; Tajul Ariffin Noordin, 1990; Al-Abrasyi, tt).

Keterbukaan pemikiran merupakan suatu kebolehan kognitif yang istimewa, tetapi ia tidak dapat mendatangkan faedah kepada manusia jika tidak berasaskan penilaian dari Al-Quran dan hadis. Dengan erti kata yang lain, pemikiran terbuka hanya bermakna jika dibina berteraskan kepada penilaian Al-Quran dan hadis, keterbukaan pemikiran yang berasaskan perspektif barat bukanlah suatu kebolehan kognitif yang istimewa. Sebaliknya ia merupakan sesuatu manifestasi krisis kognitif yang dihadapi oleh manusia sekular (al-Qaradhawi, 1998; Nik Azis Nik Pa, 1990).

Kebebasan penggunaan akal dalam Islam tiada batasan ditentukan, hanya dilarang keras penggunaan akal dalam dua perkara (al-Kailani, 1997; al-Najjar, 1997; al-Alwani, 1995; Badri, 1979; Sabiq, 1978) seperti mana berikut:

1. Memikirkan atau memperdalam pengetahuan tentang Zat Allah kerana ZatNya tidak akan dapat dijangkau oleh akal fikiran manusia.
2. Kebebasan berfikir untuk propaganda melemahkan agama Islam, merendahkan budi pekerti menyebabkan penafian terhadap Tuhan dan fahaman atheisma.

Penggunaan kaedah pengajaran yang berasaskan pengalaman dan penyelesaian masalah terbukti melalui kajian terdahulu mempunyai signifikan dengan pencapaian dan kebolehan pelajar (Radziah Abdul Samad, 1996; Jauhara Hj. Tak, 1995; Azizah Hamzah, 1993; Saedah Siraj, 1992; Brunner, 1966; Gordon, 1961).

Berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu, perlu dijalankan penyelidikan untuk mendapatkan bukti kaedah pengajaran yang lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran berfikir pelajar.

C. RASIONAL KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan rasional-rasional berikut:

1. Kaedah Penyelesaian Masalah

Perancangan sesuatu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah antaranya merujuk kepada kaedah yang digunakan. Kekuatan dan kelemahan perancangan guru turut dipengaruhi oleh pemilihan kaedah. Dalam menyampaikan

ilmu pengetahuan, kaedah pengajaran merupakan alat penyambung atau penggerak dua hala antara pengajar dan pelajar yang sifatnya sentiasa berinteraksi dan pengaruh mempengaruhi. Menurut al-Syaibani (1991) kaedah yang baik dapat membantu pelajar mempengaruhi ilmu pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap dan tingkah laku, menambahkan minat dan nilai-nilai yang positif.

Antara kaedah yang terbukti berkesan dari kajian-kajian terdahulu (al-Kailani 1997; al -Ghazali, tth) adalah Kaedah Penyelesaian Masalah yang dapat membantu pelajar mempunyai penghayatan yang kukuh kepada Allah dalam kehidupan harian. Pelajar akan terdorong untuk suka menyiasat, mencari kebenaran, membina idea dan meneroka masalah dengan cara yang tersendiri. Hal berkenaan bukan sahaja dapat memberi motivasi dan merancakkan lagi pembelajaran, malah menyediakan peluang bagi pelajar-pelajar meneroka pemikiran, membina keyakinan diri dengan mendalam dan meluas lagi potensi daya fikir mereka bagi melahirkan alternatif-alternatif dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan kemahiran membanding beza, membuat keputusan, membentuk inferens dan membentuk analogi (al-Alwani, 1995; Raffini, J.P, 1996; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991). Kebolehan menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian memerlukan pengetahuan yang luas; tanpa ilmu manusia tidak mampu menyelesaikan masalah hidup. Ilmu tanpa kebolehan menyelesaikan masalah pula tidak banyak membawa kebaikan kepada manusia.

Atas alasan tersebut, pengkaji berpendapat Kaedah Penyelesaian Masalah adalah penting dalam kajian ini.

2. Pengajaran akidah

Pengajaran akidah adalah menjadi teras kepada pendidikan Islam (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991). Akidah mempunyai konsep yang sangat luas berpusatkan kepada konsep memberi tumpuan terhadap Allah iaitu suatu tumpuan

ke arah membimbing emosi pelajar serta memupuk kecenderungan mereka mengikut syariat Allah (lihat Al-Quran 30:30, Zawawi Ahmad 1992). Berdasarkan kesedaran bahawa anak-anak yang dilahirkan adalah bersih daripada segala pencemaran akidah dan amalan mungkar, usaha-usaha ke arah memupuk dan mengukuhkan akidah perlu dirancang secara sistematik. Berpegang kepada konsep akidah yang teguh serta mengamalkan sikap hidup bertawakal kepada Allah adalah sangat penting bagi seseorang pelajar kerana ia boleh mengelakkannya dari tercebur ke lembah keliru dan taklid buta (Abdullah Ishak 1995).

Oleh itu, pengajaran akidah perlu dirancang dengan teliti, sempurna, jelas dan menarik kepada pelajar demi untuk membangunkan kesepaduan antara zahiriah dan batiniah pelajar itu sendiri bagi menuju satu wawasan kehidupan yang luhur.

3. Kemahiran Berfikir Kritis

Kemahiran berfikir kritis yang melibatkan pemikiran kritis dan kreatif telah diakui sebagai satu faktor kecemerlangan akademik. Pelajar-pelajar yang dapat menguasai Kemahiran berfikir Kritis dengan baik dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan (Perkins, D. 1992). Banyak kajian yang telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara Kemahiran Berfikir Kritis dengan pencapaian akademik pelajar (Lumpkin, 1991; Mohd Razali Mat Yassin, 1991; Nirwana Mohd Rashid, 1989; Tabbada, 1987).

Penggunaan pemikiran kritis dalam pendidikan akidah Islam untuk mencari kebenaran adalah sangat digalakkan. Al-Quran sering mengarah dan mendorong akal fikiran manusia supaya berfikir dan menganalisis alam kenyataan ini agar akidah Islam tertanam kukuh (lihat Al-Quran 3:190-91). Fenomena alam yang di

singkapkan Al-Quran adalah alam diri manusia dan alam semesta iaitu kejadian langit, bumi, alam tumbuh-tumbuhan, alam binatang dan sebagainya. Al-Quran berulang kali menyebutkan fenomena manusia dan alam ini dengan gaya bahasa yang berlainan dan cara yang berbagai-bagai agar ianya benar-benar berkesan kepada hati dan jiwa manusia (lihat Al-Quran 39:21; 95:4).

Di Malaysia kemahiran berfikir telah dinyatakan secara tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara (Buku Penerangan KBSM 1992:3) yang secara jelas menyatakan antara unsur penting matlamat pendidikan negara ialah untuk memperkembangkan daya intelek pelajar di samping unsur-unsur lain. Perkembangan daya intelek seluruh masyarakat Malaysia amat penting diberi tumpuan dan ditingkatkan. Dengan itu, pemilihan Kemahiran Berfikir sebagai variabel utama dalam kajian ini adalah sesuai dengan keperluan semasa pelajar-pelajar khususnya dan negara amnya.

4. Sekolah menengah

Kajian ini adalah tertumpu kepada pengajaran di sekolah menengah, atas beberapa sebab tertentu. Pertama, sekolah menengah merupakan kesinambungan pembelajaran selepas pelajar tamat di sekolah rendah. Kedua, di peringkat sekolah rendah pelajar belum begitu mampu untuk menggunakan kemahiran berfikir secara keseluruhannya. Ketiga, setelah mereka melangkah ke sekolah menengah, aktiviti ke arah pemikiran kritis dan kreatif telah didedahkan secara lebih luas (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991).

Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa Kemahiran Berfikir Kritis lebih sesuai didedahkan kepada pelajar-pelajar di peringkat yang lebih tinggi berbanding peringkat rendah (Fix X, 1978; Isaken dan Parnes, 1985).

Banyak mata pelajaran di sekolah menengah, khasnya tingkatan empat, menekankan kepada peringkat perkembangan kognitif pelajar. Begitu juga kebanyakan soalan-soalan peperiksaan lebih menumpukan kepada kemampuan berfikir pelajar.

Pengkaji berpendapat perlu dilakukan satu kajian Kemahiran Berfikir Kritis akidah diperingkat sekolah menengah supaya pelajar dapat menyediakan diri mereka dengan corak pemikiran yang lebih kritis sebelum melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.

D. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kesan Kaedah Penyelesaian Masalah terhadap Kemahiran Berfikir Kritis pelajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam aspek akidah. Kesan dari penggunaan kaedah ini terhadap Kemahiran Berfikir Kritis pelajar dilihat dari segi empat kategori utama iaitu : a) Kemahiran mengumpul dan mengguna maklumat; b) Kemahiran membuat keputusan; c) Kemahiran membentuk inferens; dan d) Kemahiran membentuk analogi. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perkara-perkara berikut:

- i. *Perbezaan peningkatan pelajar kumpulan pencapaian sederhana dengan kumpulan pencapaian tinggi yang menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah.*
- ii. *Perbezaan stail belajar antara kumpulan yang menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan Kaedah Tradisional.*

E. SOALAN KAJIAN

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian awalan pelajar dalam kumpulan yang menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan kumpulan yang menggunakan Kaedah Tradisional?
2. Adakah terdapat perbezaan peningkatan Kemahiran Berfikir pelajar dari aspek akidah kemahiran mengumpul dan mengguna maklumat antara pelajar yang diajar menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan Kaedah Tradisional?
3. Adakah terdapat perbezaan peningkatan Kemahiran Berfikir pelajar dari aspek akidah Kemahiran Membuat Keputusan antara pelajar yang diajar menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan Kaedah Tradisional?
4. Adakah terdapat perbezaan peningkatan Kemahiran Berfikir pelajar dari aspek akidah Kemahiran Membentuk Inferens antara pelajar yang diajar menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan Kaedah Tradisional?
5. Adakah terdapat perbezaan peningkatan Kemahiran Berfikir pelajar dari aspek akidah Kemahiran Membentuk Analogi antara pelajar yang diajar menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan Kaedah Tradisional?
6. Adakah terdapat perbezaan stail belajar antara kumpulan yang menggunakan Kaedah Penyelesaian Masalah dengan Kaedah Tradisional?

F. KEPENTINGAN KAJIAN

Pengajaran Pendidikan Islam yang berkualiti tinggi di peringkat sekolah menengah dapat mendorong pelajar berakhlak mulia dan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan yang cemerlang. Ia juga dapat memperkembangkan pemikiran mantik (logik yang benar), bersistem dan kritis, mahir dalam menyelesaikan masalah serta kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan untuk berfungsi dalam menjalani kehidupan harian dengan berkesan dan penuh tanggungjawab. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran akidah, antaranya ialah peranan guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan membina bagi murid dalam penyelesaian masalah. Guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan strategi pengajaran dengan memberi tumpuan kepada penggunaan kemahiran berfikir secara optimum bagi merangsangkan minat murid terhadap pengajaran akidah. Ini akan dapat menggalakkan pelajar maju dalam mata pelajaran akidah khasnya dan mata pelajaran Pendidikan Islam amnya. Kebolehan menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif akan membolehkan pelajar menghadapi cabaran hidup dengan penuh yakin dan dapat menyesuaikan diri dengan segala perubahan dan perkembangan yang pantas dan canggih. Penguasaan terhadap kemahiran berfikir merupakan faktor penting untuk memajukan bakat dan kebolehan bagi memperkembangkan potensi diri seseorang kepada tahap yang optima ke arah mencari kebenaran.

Untuk menentukan pendidikan di sekolah boleh memberikan hasil yang positif, kajian ini mempunyai kepentingan tertentu kepada semua pihak yang terlibat dalam pendidikan seperti pensyarah, pentadbiran sekolah dan guru-guru untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya tentang pengajaran dan pembelajaran akidah dan semua guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran guru yang berorientasikan Penyelesaian Masalah. Dapatan ini

juga diharapkan dapat membantu guru-guru menilai kekuatan dan kelemahan dalam merancang pendekatan pengajaran yang lebih sesuai dan berkesan.

Hasil kajian ini juga dapat membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab dengan institusi latihan keguruan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pembangunan Pendidikan Islam Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dalam membuat program latihan/modul pengajaran, buku panduan, yang boleh disampaikan kepada guru-guru sekolah atau bakal pendidik. Akhir sekali kaedah ini berguna kepada para penyelidik kerana mereka dapat memberikan input-terkini yang berkaitan untuk kajian lanjutan dalam menangani masalah yang sama pada masa kini dan akan datang.

G. BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan batasan-batasan berikut:

1. Melalui percubaan ini, penyelidik hanya bertujuan melihat kesan penggunaan kaedah Penyelesaian Masalah aspek akidah ke atas dua kumpulan pelajar di sebuah sekolah menengah pencapaian tinggi di Kuala Lumpur dan sebuah sekolah menengah pencapaian sederhana di negeri Selangor Darul Ehsan.
2. Bidang kajian ini terbatas kepada kemahiran berfikir kritis yang meliputi empat kategori utama model al-Ghazali (tth) iaitu Kemahiran Membanding Beza; Kemahiran Membuat Keputusan; Kemahiran Membentuk Inferens; dan Kemahiran Membentuk Analogi. Manakala operasi teknik ialah perbincangan, inkuiri, sumbang saran dan sinektik sahaja.

3. Penyelidik tidak mengambil kira faktor-faktor lain seperti persekitaran dan latar belakang sosio ekonomi sebagai pembolehubah yang boleh mempengaruhi pencapaian dalam ujian Pendidikan Islam.
4. Penyelidik menggunakan keputusan ujian pra-Pendidikan Islam sebagai kriteria memilih sampel.
5. Kumpulan pelajar yang dipilih adalah terhad kepada 80 orang pelajar Tingkatan IV sahaja.
6. Untuk melihat keberkesanan kaedah Penyelesaian Masalah, dua kumpulan kawalan yang diajar menggunakan kaedah bebas dijadikan perbandingan.
7. Tempoh pengajaran selama 7 minggu dan dijalankan oleh dua orang guru Pendidikan Islam yang dilatih oleh penulis di sekolah berkenaan menggunakan kaedah Penyelesaian Masalah.

H. DEFINISI ISTILAH

1. Kaedah Penyelesaian Masalah

Kaedah ini adalah satu perancangan dan tindakan guru secara sistematik dalam proses penyelesaian masalah di bilik darjah berdasarkan objektif pengajaran yang ditetapkan (Bahagian Pendidikan Guru, 1996).

Kaedah ini berdasarkan kepada lima prinsip utama:

1. Al-Quran dan al-hadis sebagai sumber rujukan.

2. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan kepada pengalaman.
3. Menggunakan kemahiran membanding beza, membuat keputusan, membentuk inferens dan membentuk analogi untuk menjalankan aktiviti penyelesaian.
4. Mengemukakan soalan-soalan yang membuka minda pelajar.
5. Menentukan teknik yang sesuai.

2. Teknik Pengajaran

Teknik adalah pelaksanaan sesuatu aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru yang digunakan dalam pengajaran mengikut perincian yang ditetapkan bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran secara maksimum (Isaksen dan Parnes, 1985; Bahagian Pendidikan Guru , 1996).

Dalam kajian ini teknik pengajaran bermaksud teknik perbincangan, teknik inkuiri, teknik sumbang saran dan teknik sinektik. Keempat-empat teknik ini berpandukan kepada teori pengajaran pendidikan Islam serta langkah-langkah tersusun yang diambil oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran di bilik darjah.

3. Kemahiran Berfikir Kritis

Bermaksud kebolehan pelajar membanding beza, membuat keputusan, membentuk inferens dan membentuk analogi serta menghasilkan rumusan (California State Board of Education, 1988; al-Ghazali, tth).

4. Pengajaran Akidah

Bermaksud aspek Akidah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan IV.

6. Pencapaian Pelajar

Merujuk kepada markah yang dicapai oleh pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca yang ditadbirkan oleh pengkaji.

I. RUMUSAN

Kajian ini direkabentuk untuk mengkaji sejauh mana kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah akidah diaplikasikan oleh pelajar-pelajar di sekolah. Kemahiran berfikir yang dimaksudkan merangkumi kemahiran membanding beza, membuat keputusan, membentuk inferens dan membentuk analogi. Kajian ini amat penting bagi membolehkan pengajaran pembelajaran dalam Pendidikan Islam dilaksanakan berorientasikan penyelesaian masalah. Dapatannya akan membantu para pendidik guru, guru-guru dan pelajar-pelajar menguasai kemahiran penyelesaian masalah dengan berkesan.